

Pelita Bahasa (Mei 2018).
Education - Teacher
Pg. 7-13.



Control No : 0000275492

File Name : MA/education/2018/EdU 2018 A10.pdf

Transformasi pendidikan Malaysia membawa impian perubahan dalam pelbagai dimensi dan berlaku secara menyeluruh. Transformasi yang paling penting tentulah yang melibatkan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di bilik darjah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan insan seantero dunia terukur dan tertaksir melalui kemenjadian murid itu sendiri. Tidak kira siapa-siapa yang bekerjasama, tanpa menyisihkan kepentingan penglibatan mana-mana pihak, peranan guru dalam perekaan kemenjadian murid tetap unggul dan utama. Hal yang sedemikian ini merupakan satu agenda.

Antara gagasan yang dibawa masuk melalui usaha mentransformasikan pendidikan negara ialah konsep Pembelajaran Alaf ke-21 (PAK-21), dengan pelbagai elemen dan cirinya, kaedah 4K1N (komunikasi, kolaboratif dan kerjasama, pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan nilai), pembelajaran terbeza, pentaksiran berterusan dan perlakuan profesional guru yang diukur melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) Standard 4. SKPMg2 Standard 4 ialah satu instrumen pengukuran dan pentaksiran kualiti PdPc seseorang guru dalam beberapa perspektif, iaitu:

1. Guru sebagai perancang.
2. Guru sebagai pengawal.
3. Guru sebagai pembimbing.
4. Guru sebagai pendorong.
5. Guru sebagai pentaksir/penilai.
6. Murid sebagai pelajar yang aktif.

Guru berperanan sebagai pemudah cara (Pc) dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap yang optimum secara berterusan. Gagasan dan konsep ini bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang kemudiannya dirujuk sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Dalam dimensi yang pertama, guru bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam pelaksanaan PdPc. Guru perlu menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang rapi, menentukan kaedah pembelajaran dan pentaksiran, dan menyediakan sumber pendidikan mengikut keupayaan murid (sekali gus mengamalkan pembelajaran terbeza dalam kalangan murid yang mempunyai tahap dan upaya pembelajaran yang berbeza-beza), peruntukan masa dan arahan yang berkuat kuasa.

Sebagai pengawal pelaksanaan PdPc pula, guru akan memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangannya. Dalam hal ini, guru



“

Guru berperanan sebagai pemudah cara (Pc) dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap yang optimum secara berterusan. Gagasan dan konsep ini bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang kemudiannya dirujuk sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

”



hendaklah mengelola isi pelajaran dan peruntukan masa, serta memberikan peluang kepada penyertaan aktif murid dengan menepati objektif pelajaran, mengikut keupayaan murid dan secara berterusan dalam PdPc. Guru juga mengawasi komunikasi dan perlakuan murid, menyusun atur kedudukan murid dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (mengamalkan konsep didik hibur) mengikut kesesuaian dan keperluan, serta mengawal pembelajaran secara berhemah, menyeluruh dan berterusan.

Seterusnya, guru bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran. Dalam hal ini, guru pakar bidang

dan sumber rujukan utama. Guru perlu memberikan tunjuk ajar dalam proses murid hendak menguasai isi pelajaran dan kemahiran. Guru juga perlu memberikan panduan kepada murid untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, selain menggunakan sumber pendidikan serta menggabung jalin isi pelajaran dengan kemahiran atau mata pelajaran lain mengikut keperluan dan keupayaan murid dengan betul, tepat, secara berhemah dan bersungguh-sungguh. Keperluan ini meletakkan profesionalisme guru pada tahap yang tinggi dan bermartabat.

Selanjutnya, guru perlulah bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah murid. Guru perlulah merangsang muridnya berkomunikasi dan berkolaboratif secara bersatu padu dan sentiasa saling membantu, di samping petah dan mahir mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif. Untuk tujuan ini, guru hendaklah menguasai kaedah penyoalan yang terkandung dalam Soalan Matriks (Q Matrix) agar murid benar-benar terdorong ke arah berfikir aras tinggi. Dorongan juga dilakukan untuk membolehkan murid membuat keputusan atau menyelesaikan masalah, dengan menggunakan kemahiran berfikir pada pelbagai aras yang ditetapkan bersama-sama objektif pembelajaran.

Di samping itu, guru perlu mewujudkan peluang untuk murid memimpin dan mengemukakan soalan berkaitan dengan isi pelajaran serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara sendiri berdasarkan objektif pelajaran, mengikut keupayaan murid dan secara berterusan. Fenomena murid menyoal guru tentang isi pelajaran ini sangat lazim sifatnya di bilik darjah. Secara tradisi, jika murid pendiam, guru akan mengatakannya sebagai murid yang baik, bersopan santun, malah menjadi murid contoh. Seterusnya, guru hendaklah memberikan pujian, galakan, penghargaan dan keyakinan serta prihatin terhadap keperluan murid secara berhemah, menyeluruh dan berterusan. Oleh itu, bagi merealisasikan impian transformasi ini, guru hendaklah menjadikan dirinya benar-benar insan penyayang.

Guru juga dituntut berperanan sebagai penilai untuk mengesan tahap penguasaan murid. Dari saat mula memasuki bilik darjah guru sudah mengemukakan soalan pentaksiran yang dinamai Pentaksiran untuk Pembelajaran (PuP), sementara itu semasa pembelajaran berlangsung guru perlu terus menyoal dan mentaksir, keperluan yang dikenali sebagai Pentaksiran semasa Pembelajaran (PsP). Selanjutnya, pada penghujung sesi pembelajaran murid, guru terus mentaksir kejayaan murid melalui soalan yang dipelbagaikan tahapnya, yang

Guru Sekadar Melepaskan Batuk di Tangga?



dikenali sebagai Pentaksiran tentang Pembelajaran (PtP). Kesemua PuP, PsP dan PtP ini terkandung dalam konsep pembelajaran terbeza. Oleh itu, bagi merealisasikan impian itu, guru perlulah menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran dan pentaksiran, dengan menjalankan aktiviti pemulihan dan pengayaan kepada muridnya mengikut konteks serta kesesuaian. Selanjutnya, guru hendaklah membuat refleksi PdPc serta menyemak hasil kerja murid berdasarkan objektif pelajaran, mengikut ketetapan pelaksanaan pentaksiran yang berkuat kuasa, secara menyeluruh dan berterusan.

Murid bertindak sebagai pelajar yang aktif pula harus menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif. Hal yang sedemikian ini akan mendorong murid memberikan respons, berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti secara kolaboratif, berpemikiran kritis dan kreatif, mengemukakan soalan, menyelesaikan masalah dan mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan berdasarkan objektif pelajaran.

Persoalannya, berjayakah keenam-enam elemen dalam SKPMg2 Standard 4 dilaksanakan sepenuhnya dalam PdPc Bahasa Melayu? Walaupun jawapan ini subjektif dan perbincangan tentangnya harus dilakukan secara tuntas, tetapi kejayaan itu masih belum jelas.

Berkaitan dengan transformasi PdPc Bahasa Melayu, elemen yang terlibat ialah alat pemikiran yang digunakan oleh guru untuk mengajar murid berfikir dalam dua dimensi, iaitu dimensi linguistik dan dimensi data maklumat dan ilmu. Dengan demikian, guru Bahasa Melayu berhadapan dengan cabaran yang terpancar dalam tiga perspektif, iaitu:

1. Harus tahu alat fikir yang dinyatakan.
2. Harus pandai mengaplikasikan alat fikir dalam PdPc.
3. Memperkenalkan alat fikir kepada murid.
4. Memastikan murid mengaplikasikan alat fikir dalam kehidupan seharian.

Senario yang paling jelas untuk menganalisis fenomena ini tentulah melalui penggunaan "ibarat" yang lazim dalam budaya fikir orang Melayu. Diibaratkan murid itu petani, jika tidak pernah ditunjukkan cangkul sebagai alatnya, apalah yang dia tahu tentang kerja bercucuk tanam. Jika cangkul itu diperkenalkan pun, jika dia tidak diajari cara menggunakannya, mustahillah dia akan pandai sendiri. Kalau dia pandai pun, tentulah kebetulan. Cuba kita fikirkan sejenak, berapa orang rakyat Malaysia yang perlu pandai kerana kebetulan? Kalau murid itu pandai menggunakannya pun jika tidak diamalkan dalam budaya seharian, kemahiran itu akan hilang.

Alat pemikiran yang dinyatakan itu cuma untuk memicu budaya berfikir dalam kalangan murid. Alat yang ampuh untuk menjana upaya berfikir aras tinggi pula ialah Soalan Matriks (Q Matrix). Tahukah guru Bahasa Melayu akan alat fikir ini? Bagaimanakah guru hendak memperkenalkannya kepada murid? Bagaimanakah murid hendak menggunakannya? Soalan itu terjawab dengan mudah apabila kita merenung kementerian guru itu di universiti atau institusi pendidikan guru di seluruh negara. Penelusuran hakikat ini hendaklah merenung agenda pendidikan guru negara. Berapa orang pensyarah Bahasa Melayu yang memperkenalkan alat pemikiran itu, menunjukkan cara penggunaannya dan kemudian menjadikannya soalan dalam peperiksaan kertas Bahasa Melayu, dan akhirnya menjadikannya budaya berfikir dalam kalangan guru Bahasa Melayu?

Perkara lain yang mendasari kementerian murid dalam agenda transformasi pendidikan negara ialah teknik eksplorasi yang diutarakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Guru Bahasa Melayu tahu bahawa eksplorasi bahasa ialah satu-satunya kaedah belajar untuk menguasai kosa kata yang menjadi keperluan untuk menjana apa-apa bentuk wacana. Oleh itu, persoalan yang harus difikirkan oleh guru Bahasa Melayu ialah:

1. Berapa orangkah yang sudah mengamalkan eksplorasi linguistik pengayaan kosa kata di bilik darjah?
2. Berapa orangkah yang sudah menjadikan Komuniti Pembelajaran Profesional sebagai amalan yang utama untuk berkongsi amalan eksplorasi?
3. Berapa orangkah yang sudah melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PBP) di dalam bilik darjah untuk muridnya melaksanakannya di luar bilik darjah? Hasil PBP ini pula perlu direalisasikan melalui kaedah 4K1N di bilik darjah.

Harapan kejayaan dalam pelaksanaan agenda ini tidak akan berakhir. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan di Malaysia ialah satu sistem dan agenda negara. Walaupun kementerian murid ditentukan oleh guru masing-masing, namun penglibatan yang berkesan daripada pihak ibu bapa dan masyarakat umum secara bersepadu amat perlu bagi melahirkan murid yang berkualiti dan pendidikan yang bermutu. **P3**

Secara umumnya, setelah menamatkan kursus pendidikan dalam bidang Bahasa Melayu, individu yang berkenaan akan dilantik menjadi guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Berbekalkan teori pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dipelajari semasa mengikuti kursus tersebut, guru seharusnya membuat perancangan yang rapi, terutama dari segi penyediaan bahan dan aktiviti PdP berdasarkan objektif yang ditetapkan bagi sesuatu sesi PdP. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian dan laporan pihak yang berwibawa, terdapat segelintir guru yang hanya melaksanakan aktiviti latihan tubi secara berterusan dalam PdP.

Golongan guru yang dimaksudkan itu memetik bahan daripada buku latihan yang dijual dalam pasaran atau daripada soalan peperiksaan yang terdahulu. Soalan tersebut akan diberikan kepada pelajar untuk dijawab dalam tempoh tertentu. Setelah masa yang ditetapkan tamat, maka guru yang berkenaan meminta pelajar menukarkan kertas jawapan dengan rakan. Guru akan membaca jawapan yang sudah pun disediakan oleh penulis buku atau skema jawapan peperiksaan dan meminta pelajar menandakan kertas jawapan sama ada betul ataupun salah. Pernah dilaporkan bahawa terdapat guru yang tidak membenarkan pelajar mempertikaikan jawapan yang diberikan apabila ada pelajar yang kurang berpuas hati dengan jawapan guru.

Sebagai guru yang berpengalaman dalam PdP Bahasa Melayu, sesekali penulis ini diminta untuk membuat pemantauan PdP guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Untuk mengajarkan karangan, penulis ini mendapati bahawa kebanyakan guru melaksanakan aktiviti yang berikut:

1. Menulis soalan karangan dan meminta pelajar menyenaraikan isi karangan secukupnya.
2. Membincangkan isi yang dikemukakan oleh pelajar; guru akan memberikan isi yang sesuai jika isi yang dikemukakan oleh pelajar difikirkan kurang tepat.
3. Guru meminta pelajar menulis karangan di bilik darjah dan menyiapkannya di rumah.
4. Dalam tempoh tertentu, pelajar diminta untuk menghantarkan karangan yang siap ditulis untuk disemak.

Untuk memastikan semua pelajar menghasilkan karangan yang lengkap amatlah sukar, kecuali bagi kumpulan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Lazimnya, jumlah karangan yang dihantar bergantung pada sikap pelajar dan ketegasan guru. Jika pelajar di sesuatu kelas itu mempunyai kesungguhan untuk belajar maka jumlah karangan yang dihantar agak banyak. Walaupun begitu, bilangannya

tidak mustahil berkurang sekiranya guru tidak berbuat sesuatu terhadap pelajar yang tidak menyiapkan tugas.

Demikianlah antara langkah atau aktiviti PdP karangan yang popular di sekolah. Penulis ini tidak menyalahkan kaedah tersebut, dan penulis ini juga pernah berbuat demikian. Namun begitu, untuk menjadikan PdP karangan lebih berkesan, guru Bahasa Melayu perlu berusaha untuk meningkatkan kreativiti masing-masing. Penulis ini bersimpati apabila terdapat rakan guru yang mengakui kekurangan idea untuk mempelbagaikan kaedah PdP. Bagi penulis ini, keikhlasan guru yang berkenaan menyuarakan ketidakpuasan hati mereka dalam hal ini adalah positif kerana golongan ini ingin menimba ilmu. Bagi membantu rakan yang memerlukannya, penulis ini mencadangkan aktiviti PdP yang sudah pun dilaksanakan oleh penulis ini kepada pelajar tingkatan empat, lima, dan juga enam. Objektif PdP (80 minit) ialah pelajar dapat menulis pendahuluan karangan tentang tajuk yang diberikan dengan betul.

1. Mengedarkan petikan bertajuk "Racun Manis yang Membunuh" (*Dewan Masyarakat* Bil. 1/2015). Pelajar diminta membacanya dan mencatat beberapa maklumat yang belum diketahui oleh mereka sebelum itu.
2. Pelajar diminta mengemukakan dapatan mereka dan mengadakan soal jawab tentang perkara yang dikemukakan itu. Pelajar diminta mencatat maklumat yang diperolehi itu dalam buku karangan.
3. Secara kumpulan, pelajar diminta membina soalan karangan berdasarkan tema bahan yang dibaca, iaitu kesihatan. Guru meminta pelajar mengemukakan soalan yang dibina.
4. Berdasarkan beberapa soalan yang dikemukakan itu, guru memilih satu atau dua soalan dan membuat pemurnian melalui perbincangan. Guru meminta pelajar mengemukakan beberapa isi yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih.
5. Setelah memperoleh isi yang kukuh, guru membimbing pelajar untuk menulis pendahuluan karangan bagi tajuk tersebut. Guru boleh meminta pelajar merujuk kaedah menulis pendahuluan dan contoh pendahuluan yang telah dipelajari sebelum itu.
6. Guru memilih satu atau dua pendahuluan karangan pelajar untuk dibincangkan dan dibuat pemurnian.

Apabila kaedah di atas dicadangkan kepada sekumpulan guru, ada yang mengemukakan soalan. Kalau begitu, satu masa (80 minit) itu boleh dihabiskan



Kelemahan atau kekurangan idea dalam kalangan guru Bahasa Melayu tentang PdP dapat dikurangkan sekiranya pihak yang bertanggungjawab menyedari keperluan guru Bahasa Melayu di sekolah. Berdasarkan situasi dan suara hati guru, penulis mendapati bahawa guru Bahasa Melayu memerlukan pertambahan ilmu serta peningkatan kemahiran, dan kecekapan tertentu.



untuk menulis pendahuluan sahaja? Jawapannya, mengapa tidak? Penulis memberikan penjelasan dengan membandingkan guru Bahasa Melayu dengan jurulatih bola sepak. Seorang jurulatih bola sepak tidak mungkin mengadakan perlawanan bola sepak sepanjang masa. Mereka tentu mengajar atau membetulkan cara tendangan, tandukan, gelecek bola dan hantaran bola. Jurulatih bola sepak juga mungkin membimbing pemain cara untuk meningkatkan stamina, teknik bermain secara berpasukan dan sesekali mengadakan perlawanan untuk menilai sama ada teori yang dipelajari dapat dimanfaatkan ataupun tidak.

Kebanyakan guru Bahasa Melayu menyuarakan perasaan tidak puas hati tentang kurangnya minat membaca dalam kalangan pelajar mereka. Penulis ini juga mengakui hakikat ini. Dari segi realitinya, bukan pelajar sahaja yang "culas" membaca, tetapi orang dewasa juga demikian. Tindakan guru memberikan petikan dan meminta pelajar membacanya, sekurang-kurang membantu pelajar memiliki maklumat. Pada masa yang sama, aktiviti ini mendedahkan kepelbagaian kosa kata, gaya bahasa, binaan ayat, penggunaan penanda wacana, dan lain-lain kepada pelajar. Sekiranya dibiasakan, masalah kekurangan maklumat, kemiskinan kosa kata dan gaya bahasa yang diperkatakan sebelum ini sedikit banyak dapat dikurangkan.

Kepentingan aktiviti berkumpulan pula tidak dinafikan, khususnya untuk membolehkan pelajar

mengambil bahagian secara aktif dalam PdP. Pada masa yang sama pelajar yang lemah dapat mempelajari sesuatu daripada pelajar yang lebih berkeupayaan. Dengan menetapkan objektif pelajaran sebegini rupa (menghasilkan pendahuluan karangan), guru dapat membimbing pelajar tentang cara menghasilkan pendahuluan karangan yang berkualiti. Dalam pelajaran yang berikutnya, guru boleh memfokuskan kaedah persembahan isi karangan. Dengan perkataan lain, guru Bahasa Melayu juga seharusnya berperanan seperti jurulatih bola sepak; membimbing pelajar agar menguasai kecekapan dan kemahiran berbahasa satu persatu. Untuk menilai sama ada perkara yang diajarkan itu dapat diamalkan ataupun tidak, latihan menulis karangan yang lengkap (ujian bulanan), boleh diadakan sebelum pelajar memasuki perlawanan akhir, iaitu peperiksaan.

Guru Bahasa Melayu yang meminta pelajar menulis karangan lengkap pada setiap sesi PdP karangan samalah dengan jurulatih bola sepak yang melatih pemain dengan mengadakan perlawanan setiap masa. Penulis ini yakin bahawa tiada seorang jurulatih bola sepak pun yang berbuat demikian. Oleh hal yang demikian, kesilapan guru tentang hal ini wajar dibetulkan agar usaha yang dilakukan mendatangkan hasil yang lebih baik.

Kelemahan atau kekurangan idea dalam kalangan guru Bahasa Melayu tentang PdP dapat dikurangkan sekiranya pihak yang bertanggungjawab menyedari keperluan guru Bahasa Melayu di sekolah. Berdasarkan situasi dan suara hati guru, penulis mendapati bahawa guru Bahasa Melayu memerlukan pertambahan ilmu serta peningkatan kemahiran, dan kecekapan tertentu, antaranya termasuklah seperti yang berikut:

1. Kaedah dan aktiviti PdP yang berkesan.
2. Penyediaan bahan bantu mengajar.
3. Aktiviti pengayaan dan pemulihan.
4. Penyediaan soalan yang berkualiti.
5. Ilmu bahasa, terutama tatabahasa.
6. Penulisan dan pengeditan.
7. Penyemakan kertas yang betul.

Bagi membetulkan keadaan, tindakan menyalahkan mana-mana pihak tidak menjanjikan keuntungan. Sekiranya perkara di atas benar-benar diperlukan, penulis ini yakin bahawa pihak yang berkenaan di jabatan pendidikan tidak mungkin berdiam diri. Melalui kerjasama yang baik antara guru dengan pihak jabatan, kursus atau perbengkelan tentang satu atau dua perkara di atas dapat dilaksanakan. **13**